

19 OCT 2001

APEC-TAIWAN

CHINA KESAL TAIWAN TIDAK HANTAR WAKIL KE APEC

Oleh: Mohd Kamel Othman

SHANGHAI, 19 Okt (Bernama) -- China telah menyatakan rasa kesalnya terhadap keputusan Taiwan untuk tidak menghantar wakilnya ke mesyuarat pemimpin-pemimpin Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) yang akan berlangsung di sini selama dua hari mulai esok.

Sebagai hos mesyuarat APEC tahun ini, China mengalu-alukan penyertaan semua anggota APEC dan telah menawarkan protokol yang bersesuaian dan keselesaan kepada semua anggota mengikut prinsip kesaksamaan dan kesopanan, kata jurucakap bagi Kementerian Luar China dalam satu kenyataan di sini hari ini.

"China telah berulang kali menyatakan yang ia mengalu-alukan China Taipei untuk menyertai Mesyuarat Pemimpin-pemimpin APEC di Shanghai dan lain-lain aktiviti APEC serta telah menghantar jemputan."

Jurucakap itu berkata memorandum persefahaman APEC yang berkaitan telah menyediakan peruntukan yang jelas mengenai calon Taiwan ke mesyuarat pemimpin APEC itu serta amalan sebelum ini.

"China Taipei gagal untuk memilih calon menurut peruntukan dan amalan berkenaan. Kami kesal mengenai hal itu," kata jurucakap berkenaan.

Taiwan mendakwa China tidak menghantar jemputan formal bagi menghadiri mesyuarat APEC itu.

Presiden Taiwan Chen Shui-Bian telah membuat keputusan untuk menghantar bekas naib presiden Li Yuan-Zu sebagai wakilnya di sidang kemuncak APEC di sini tetapi keputusan itu memerlukan persetujuan China.

Li, naib presiden Taiwan bagi tempoh 1990-1996, merupakan pakar undang-undang jenayah, dipilih kerana anti penganas akan menjadi isu utama yang akan dibincangkan oleh para pemimpin.

Beijing telah memaksa Taiwan untuk menghadkan perwakilannya pada Sidang Kemuncak APEC sebelumnya kepada menteri kabinet atau pemimpin perniagaan.

Tahun lepas, gabenor bank pusat Taiwan Perng Fai-Nan mengetuai delegasi ke Sidang Kemuncak APEC di Brunei.

Taiwan menyertai mesyuarat APEC sebagai satu "ekonomi" di bawah nama "China Taipei" -- satu penyusunan yang dibentuk untuk mengatasi bantahan China terhadap pengiktirafan Taiwan sebagai negara berasingan.

Taiwan dan China berpecah dalam tahun 1949 berikutan perang saudara tetapi Beijing masih menganggap pulau itu sebagai wilayah terpisah yang perlu disatukan kembali walaupun secara paksa jika perlu.

APEC terdiri daripada Australia, Brunei, Kanada, Chile, China, Hong Kong, Indonesia, Jepun, Malaysia, Mexico, New Zealand, Papua New Guinea, Peru, Filipina, Russia, Singapura, Korea Selatan, Taiwan, Thailand, Amerika Syarikat dan Vietnam.

Sementara itu, para pemimpin negara anggota APEC mula tiba di pusat perdagangan China Timur sejak Khamis lagi. Antara mereka ialah Presiden Amerika Syarikat George W. Bush dan presiden Russia Vladimir Putin.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan tiba selepas tengah malam ini.

Para pemimpin itu akan membincangkan isu-isu ekonomi serta anti penganas berikutan serangan penganas terhadap New York dan Washington, 11 Sept lepas. -- BERNAMA

MKO FR SEL NHD